**Saya ❤ Pulau Pinang di Mak Mandin** MS 3




**GST bebankan rakyat !** MS 5 & 15

PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 OKTOBER, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# PERUNTUKAN TANGANI BANJIR PULAU PINANG

# ke mana baki RM2.15 bilion?

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Pulau Pinang menerima hanya 16 peratus atau kira-kira RM443 juta sahaja, jika benar peruntukan asal Kerajaan Pusat untuk projek-projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di negeri ini adalah berjumlah RM2.6 bilion.

Justeru, Guan Eng menggesa Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman yang juga Pengerusi Umno Negeri supaya menyenaraikan semua projek rancangan tebatan banjir (RTB) bernilai RM2.6 bilion berkaitan.

**"Daripada RM2.6 bilion ini, hanya RM443 juta dibelanjakan, iaitu hanya 16 peratus daripada apa yang diperuntukan.**

**"Maka, kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) nak tahu ke mana perginya RM2.15 bilion ringgit ini**," soalnya pada sidang media di sini 28 September lalu.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim serta Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail.

Guan Eng memberitahu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Pulau Pinang sendiri merekodkan sejak tahun 2006, sejumlah RM433 juta sahaja dibelanjakan untuk projek-projek RTB di negeri ini.

Justeru, katanya, pembangkang Pulau Pinang hanya mencari dalih menutup kelemahan Kerajaan Pusat dalam menyalurkan peruntukan RTB berwajib untuk Pulau Pinang, ketika negeri ini pada 15 September dilanda banjir.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow pada 26 September lalu mendedahkan peruntukan asal yang dijanjikan dalam RMK-9 dalam tempoh tahun 2006 hingga 2010 adalah RM1.4 bilion, tetapi Kerajaan Pusat meminda bajet itu dan membelanjakan RM306 juta sahaja.

Katanya, peruntukan asal yang dijanjikan dalam RMK-11 (2011 – 2015) adalah RM193 juta, lalu dipinda menjadi RM132 juta sebelum Kerajaan Pusat membelanjakan RM125 juta sahaja.

Dalam RMK-11 (2016 – 2020) pula, peruntukan asal yang dijanjikan adalah RM205 juta, lalu dipinda menjadi RM23 juta dan Kerajaan Persekutuan baru berbelanja RM12 juta sahaja untuk projek menangani masalah banjir di negeri ini. (Sila rujuk Lampiran A).

*Rujuk juga muka 9.*

## Mana hilang RM2.15 bilion?

"Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan, Datuk Seri Zainal Abidin Osman telah mengemukakan senarai projek-projek dilaksanakan yang kononnya melibatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.6 billion.

"Daripada maklumat yang disediakan, sebenarnya RM2.6 billion adalah nilai projek-projek yang dipohon oleh JPS Negeri Pulau Pinang, tetapi peruntukan asal ini telah dipinda dan jumlah sebenar dibelanjakan adalah hanya RM443 juta sahaja seperti berikut,"- Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, 26 September 2017.

| Tahun | Maklumat Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) | | |
|---|---|---|---|
| | Peruntukan Asal | Peruntukan Dipinda | Peruntukan Dibelanja |
| RMK 9 (2006-2010) | RM1.4 bilion | RM306 juta | RM306 juta |
| RMK 10 (2011-2015) | RM193 juta | RM132 juta | RM125 juta |
| RMK 11 (2016-2020) | RM205 juta | RM23 juta | RM12 juta |
| Jumlah | RM1.79 bilion | RM461 juta | RM443 juta |

LAMPIRAN A.

# Sheikh Hussain Yee Tokoh Maal Hijrah Pulau Pinang

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**AIR ITAM -** Pendakwah terkenal antarabangsa, Tuan Sheikh Hussain Yee, diumum sebagai Tokoh Maal Hijrah 1439H/2017M sempena sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri yang menyarungkan jubah khas serta menyampaikan trofi, sijil pengiktirafan dan cenderamata kepada beliau.

Turut menyaksikan penganugerahan berkaitan, antaranya Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri, Dato' Anas Ahmad Zakie serta Mufti Kerajaan Negeri, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Tuan Sheikh Hussain Yee atau nama sebenarnya, Mohd. Hussain Abdullah, 62, merupakan pengasas Al-Khaadem, iaitu pusat pendidikan dakwah kemasyarakatan antarabangsa membabitkan saudara baru di Petaling Jaya, Selangor, sejak tahun 1984.

Beliau adalah anak jati Kedah, tetapi berhijrah ke Pulau Pinang sejak 1960-an, ketika masih beragama Buddha.

Selepas memeluk Islam pada tahun 1968 di negeri ini, Sheikh Hussain melanjutkan pengajian dalam bidang hadith di Universiti Islam Madinah pada 1972 hingga 1978, serta berpeluang menjadi pelajar kepada ulamak besar hadis abad ke-20, Sheikh Muhammad Nasiruddin Al-Bani; dan kini menjadi selebriti dakwah dalam beberapa rangkaian televisyen di peringkat antarabangsa.

Selain petah berbahasa Melayu, bakat berpidato dalam bahasa Inggeris, Arab dan Cina telah membawa beliau menyampaikan mesej Al-Quran serta dialog keamanan antara agama ke lebih 20 negara, antaranya Hong Kong, China, Fiji, Australia, New Zealand, Maldives, India, Pakistan, Denmark, Turki dan Belanda.

Sheikh Hussain yang ditemui kemudian memberitahu, gerakan dakwah di tanah air ini, termasuk di Pulau Pinang begitu digalakkan oleh Kerajaan dan mendapat sokongan banyak pihak.

"Kita mesti terus membawa mesej Al-Quran, Sunnah dan mereka mesej keamanan kepada dunia dan mereka yang masih belum mengenali Islam, sebagaimana yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W, untuk menghakis (fahaman) Islamophobia.

"Kita mesti berusaha untuk menghakis perasan takut orang bukan Islam kepada Islam, dan satu lagi adalah melaksanakan kebajikan kepada manusia tidak kira Islam ataupun bukan Islam," jelasnya ketika ditemui di sini.

Selain Sheikh Hussain, Muhammad Syazwan Menon, 29, dipilih menerima Anugerah Saudara Mithali; Pengasas Yayasan dan Madrasah An-Nahdhoh, Ustaz Abdul Mutalib Ma'arof, 43, (Anugerah Pendakwah Negeri); Rosadah Rameli, 64, (Anugerah Ibu Mithali); Penolong Profesor Jabatan Bioteknologi Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dr. Wan Wardatul Amani Dr. Wan Salim (Anugerah Hijrah Inovasi) dan Abdul Hamid Ibrahim Naina (Anugerah Bapa Mithali).

Sebelum itu, Abdul Rahman ketika menyampaikan amanat memberitahu, penghijrahan Nabi Muhammad S.A.W. dari Mekah ke Yathrib lalu menubuhkan negara moden Madinah Al-Munawwarah, sebenarnya mengajar erti pengorbanan yang begitu besar untuk dihayati umat.

Justeru, beliau sekali lagi menyeru seluruh umat Islam dan bukan Islam supaya saling berkorban kepentingan diri demi mengukuhkan lagi tali persaudaraan, semangat kekitaan serta keharmonian kaum dan beragama di negeri ini.

Dalam pada itu, mesej sama turut ditekankan Mohd. Rashid dan Abdul Malik dalam ucapan masing-masing.

Penganjuran acara tahunan sambutan Maal Hijrah pada kali ini sekaligus menjadi simbol Kerajaan Negeri senantiasa mengiktiraf serta senantiasa berusaha memartabat Islam di Pulau Pinang.



DR. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kiri) sambil diiiringi barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyampaikan penganugerahan kepada Tuan Sheikh Hussain Yee pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



SEKITAR Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Pulau Pinang di Masjid Negeri.



USTAZ Abdul Mutalib Ma'arof.




Oleh: **ME**

# Kutipan sampah setiap hari rumah pangsa kos rendah seliaan Kerajaan Negeri di Seberang Perai

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengarahkan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melaksanakan kutipan sampah tiap-tiap hari di kawasan rumah pangsa kos rendah seliaan Kerajaan Negeri, berbanding dua hari sekali sebelum ini.

Demi meningkatkan mutu keselesaan hidup rakyat, katanya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang tidak kisah perbelanjaan pengurusan sampah di Seberang Perai mungkin akan meningkat sekali ganda.

"Sebelum ini, kita kutip sampah dua hari sekali (di kawasan berkaitan), selepas ini sampah dikutip tiap-tiap hari.

"Tentu ia akan menambah kos 100 peratus, sekali ganda, tapi itu perlu kerana kebersihan saya rasa adalah segala-galanya," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan dalam Majlis Perasmian Pengecatan Logo 'I ♥ Penang' dekat Blok 1 Mak Mandin di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Hadir sama, ADUN Bagan Jermal Lim Hock Seng yang juga Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti serta Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh.

Guan Eng memberitahu, pihaknya berharap operasi kutipan sampah tiap-tiap hari berkaitan dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada hujung tahun ini.

Sebelum itu, beliau menyatakan bahawa tujuan Kerajaan Negeri melaksanakan kempen pengecatan logo 'Saya ♥ Pulau Pinang' adalah sebagai bantahan kepada hasrat Menteri Wilayah Persekutuan ketika beliau berucap dalam majlis Sambutan Hari Wilayah 1 Februari lalu yang dilaporkan menyatakan hasrat untuk menjadikan Pulau Pinang, Pulau Langkawi dan sebahagian negeri Melaka sebagai Wilayah Persekutuan.

Tambah Guan Eng, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 3 Mac lalu meluluskan sejumlah RM222,590.20 untuk projek mengecat logo berkaitan pada 45 blok skim perumahan awam yang telahpun dikenal pasti di kelima-lima daerah seluruh Pulau Pinang.




**BARISAN kepimpinan Kerajaan Negeri sedang menyempurnakan gimik Majlis Perasmian pengecatan logo *I ♥ Penang* dekat Blok 1 Mak Mandin di sini baru-baru ini.**




**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan kakitangan Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bergambar kenangan sambil berlatarbelakangkan bangunan yang telah siap dicat.**

## Seberang Perai sebagai hab pembangunan masa depan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BUKIT TAMBUN -** Projek Jambatan dan Jalan Ke Valdor Menyeberangi Sungai Tengah Serta Sambungan Jalan Sedia Ada, Batu Kawan yang bernilai RM22.13 juta kini sudah 41 peratus siap.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada majlis lawatan tapak projek di sini baru-baru ini.

"Projek jalan dan jambatan sepanjang 1.2 kilometer (km) ini dilihat penting untuk pembangunan di sini... saya yakin Batu Kawan akan menjadi tempat menarik untuk operasi perkilangan, pertumbuhan ekonomi, selain meningkatkan sektor perniagaan dekat sekitar Batu Kawan, Bukit Tambun, Valdor di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS).

"Saya juga ingin memaklumkan bahawa, **untuk membangunkan kawasan Seberang Perai sebagai hab pembangunan masa depan Pulau Pinang, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan terus memainkan peranan utamanya menyediakan kemudahan dan infrastruktur terutamanya di kawasan pembangunan Batu Kawan, Bukit Minyak dan sekitar Seberang Perai dalam mewujudkan keseimbangan pembangunan antara pulau dan Seberang Perai**.




**TAPAK Projek Jambatan dan Jalan Ke Valdor Menyeberangi Sungai Tengah Serta Sambungan Jalan Sedia Ada, Batu Kawan di sini.**

"Lebih utama, ianya mampu mengurangkan masa perjalanan dari Jawi dan Valdor ke Batu Kawan dan ianya bebas tol," katanya yang juga Pengerusi PDC pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Timbalan Ketua Menteri II, Prof Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod; Ahli-ahli Majlis bagi MPSP dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Tambah Guan Eng, terdapat empat projek infrastruktur lain milik PDC di kawasan Seberang Perai yang turut dilihat menerajui pertumbuhan dan pembangunan di SPS bernilai RM91 juta seperti pembinaan jalan raya berharga RM7.8 juta menghubungkan *Penang Science Park* dan Juru; pembinaan jambatan baharu di Sungai Kerian, Nibong Tebal yang menghubungkan Taman Victoria dengan Tanjung Berembang dengan kos RM25.8 juta; menaik taraf Jalan Bukit Tambun dari dua lorong ke enam lorong dengan kos RM23.9 juta dan pelebaran jambatan sedia ada di Batu Kawan dari dua lorong (11 meter lebar) hingga enam lorong (40 meter) dengan Kos RM33.5 juta.

"Projek jambatan dan jalan raya yang sedang dibina adalah tepat pada masanya kerana Bandar Cassia Batu Kawan sedang berkembang pesat, dengan kehadiran *Penang Design Village* yang bernilai RM250 juta, Universiti Kolej KDU dengan pelaburan sebanyak RM220 juta dan *IKEA Store* dengan pelaburan RM600 juta yang dijangka akan dibuka pada tahun 2019," jelasnya yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Difahamkan, projek tanggungjawab korporat sosial (CSR) PDC melalui tender terbuka bermula 18 Januari 2016 dijangka siap pada 21 Februari 2019.

# Kok Wah gembira jantung anaknya masih berdenyut dalam tubuh penerima

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN -** Seorang ayah, Mark Kok Wah, 46, kelihatan begitu gembira apabila jantung yang diderma mendiang anak perempuannya kira-kira dua tahun lepas, masih berdenyut baik dalam tubuh penerima organ, Serena Lee Shu Lynn, 37.

Kok Wah diiringi isteri, Ariess Tan, 43, dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **inisiatifnya sekeluarga diharapkan dapat mengubah cara berfikir rakyat Malaysia mengenai peri penting menderma organ kepada mereka yang memerlukan.**

**"Sebab kenapa saya menghubungi YB Phee (Boon Poh, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) untuk mengadakan sidang media di sini bukanlah untuk mencari publisiti, tapi sebenarnya kami ingin mengubah cara berfikir masyarakat mengenai amalan menderma organ.**

**"Seperti anak saya, Carmen Mark, 18, bukanlah untuk mencari publisiti atau populariti, tapi untuk meninggalkan satu pusaka untuk mereka yang masih hidup supaya ada harapan untuk terus menikmati hidup,"** jelasnya pada pertemuan khas yang diatur di Pejabat Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Carmen Mark merupakan anak tunggal kedua-dua pasangan berkenaaan, bermastautin di Taman Hutching.

Ketika berusia 18 tahun, mendiang melanjutkan pengajian dalam bidang kejururawatan di Politeknik Nanyang, Singapura, dengan biayaan biasiswa penuh.

Tiga bulan di perantauan, Carmen Mark diisytiharkan mati otak selepas dimasukkan ke Hospital Tan Tock Seng selama 25 hari.

Kok Wah diberitahu doktor bahawa anaknya memang tidak dapat diselamatkan lagi.

Lalu, Kok Wah menyatakan hasrat untuk menderma kesemua lapan organ, termasuk jantung kepada Shu Lynn, seorang warganegara Singapura.

"Pada ketika itu, saya membuat keputusan untuk mendermakan organ-organnya. Saya tidak menyesali keputusan yang saya buat pada hari itu, iaitu pada Julai 2015.

"Hari ini, Carmen hidup dalam lapan orang yang berbeza, dan saya begitu gembira apabila mendengar jantung anak saya masih berdenyut dalam tubuh Shu Lynn," jelasnya sambil melahirkan rasa yakin bahawa pengorbanan anaknya itu dirahmati Tuhan.



MARK Kok Wah.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyatakan bahawa pengorbanan Kok Wah sekeluarga adalah teladan terbaik untuk maksud kemanusiaan, yang merentasi kepercayaan, warna kulit, darah dan garis sempadan negara, Malaysia – Singapura.

"Ia memberi makna sebenar kepada kehidupan, derma (jantung) ini terlalu besar pengertiannya.

"Dorongan menderma (organ) ini bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan oleh seorang ibu atau bapa.

"Saya fikir kita perlu merakamkan penghargaan, ucapan tahniah bukan sahaja pada diri (mendiang) Carmen, juga kepada ibu bapa yang mempunyai anak perempuan yang hebat ini," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.



ARIESS Tan tidak dapat menahan air matanya apabila mendengar dengupan jantung anaknya yang berdengup di dalam tubuh Serena Lee Shu Lynn.

Manakala, Shu Lynn sejak sebelum sidang media lagi kelihatan dalam perasaan yang sebak dan tak lepas-lepas memeluk ibu kepada Carmen.

Menurut Shu Lynn, beliau terbaca di dinding *Facebook* mengenai hasrat Kok Wah untuk bermusafir sejauh 14,000 batu ke Singapura, semata-mata untuk mendengar degupan jantung mendiang anaknya itu.

Pada 4 Ogos, barulah Shu Lynn menghantar mesej kesediaan untuk saling bertemu, melalui mesej peribadi *Facebook* kepada Kok Wah.

"Selepas pemindahan jantung ini selamat dilaksanakan, saya berasa seperti satu kehidupan yang baharu, begitu bertuah.

"Saya sendiri tidak dapat memikirkan betapa dalamnya kasih sayang kedua-dua ibu bapa Carmen ini, cuma saya boleh merakamkan ucapan terima kasih tak terhingga atas sumbangan ikhlas mereka," jelas Shu Lynn.

# Zon larangan merokok diperluas ke Bukit Bendera

**AIR PUTIH -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa 1.6 juta pengunjung yang mengunjungi Bukit Bendera layak mendapat udara segar di pusat peranginan tanah tinggi tersebut.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pelancaran Program Pewartaan Zon Larangan Merokok di Kawasan Bukit Bendera di sini 1 Oktober lalu.

Menurutnya, pendekatan tersebut adalah sejajar dengan Peraturan 11 (1) Peraturan-peraturan Hasil Tembakau 2004 Pindaan 2017 yang mewartakan Taman Awam dan Taman Negara seluruh Malaysia sebagai kawasan larangan merokok bermula 1 Februari 2017.

"Seperti sedia maklum, Program Pewartaan Larangan Merokok Di Kawasan Bukit Bendera adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam melindungi penduduk Pulau Pinang khususnya, daripada bahaya asap rokok bagi melindungi kualiti dan persekitaran bersih yang hijau serta segar.

"Program ini juga merupakan kerjasama bersama-sama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) dalam memperluaskan skop Pulau Pinang Bebas Asap Rokok (PENBAR)," ucap Guan Eng pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Cheok Lay Leng; Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Pengarah JKNPP, Datuk Dr. M. Sukumar.

Tambah Guan Eng, melalui Peraturan 22 Peraturan-peraturan Hasil Tembakau 2004, enam taman awam dan rekreasi di negeri ini seperti Empangan Air Itam, Taman Bandaraya, Taman Botani, Empangan Teluk Bahang, Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang juga diwartakan sebagai kawasan larangan merokok sejak 2 Oktober 2012.

"Usahasama murni ini diteruskan dengan mewartakan PENBAR di Tapak Warisan Dunia George Town sebagai kawasan larangan merokok pada 4 Julai 2015," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Pada kesempatan sama, Guan Eng turut memuji PHC yang berjaya meningkatkan jumlah pelancong ke Bukit Bendera seramai 1,048,740 pengunjung dari Januari hingga Ogos tahun ini berbanding 936,846 untuk tempoh sama (2016).

Katanya, peningkatan 11.9 peratus tersebut dilihat terus memacu Bukit Bendera sebagai antara lokasi pelancongan bukit peranginan ternama di Malaysia.

"Kita berharap tahun ini Bukit Bendera mampu memecah angka 1.7 juta pengunjung, perlahan-lahan kita akan mampu sampai ke angka dua juta pelancong," ujar beliau.

# Bina semula gelanggang futsal Penanti pelaburan untuk muda-mudi




KETUA Menteri, Dr. Wan Azizah Wan Ismail (bertudung merah jambu), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil jawatankuasa penganjur serta para peserta bergambar kenangan pada Majlis Perasmian Pembinaan Semula Gelanggang Futsal Penanti di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk gelanggang futsal Penanti di Padang Awam Taman Guar Perahu.

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PENANTI -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang membelanjakan RM276,794 termasuk kenaan 6 peratus Cukai Barangan & Perkhidmatan (GST) dalam projek pembinaan semula dua gelanggang futsal di Padang Awam Taman Guar Perahu di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau percaya perbelanjaan sebegitu tetap memberikan impak daripada aspek sosial, khususnya kepada komuniti muda-mudi tempatan.

"Ini pun pelaburan daripada Kerajaan Negeri, walaupun tidak membawa pulangan keuntungan (ROI), tetapi tetap memberikan kesan daripada segi sosial seperti kegembiraan kepada anak muda untuk beriadah di gelanggang futsal ini," katanya pada Majlis Perasmian Pembinaan Semula Gelanggang Futsal Penanti baru-baru ini.

Difahamkan, pentadbiran Guan Eng melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (SPT) membina sebuah gelanggang futsal bersaiz 84 kaki lebar dan 100 kaki panjang.

Namun, gelanggang tersebut runtuh dipukul ribut kuat dalam satu kejadian pada awal tahun ini, lalu dirobohkan pada 14 Februari lalu.

Berucap pada majlis sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail merakamkan penghargaan kepada pentadbiran Guan Eng kerana membina semula gelanggang tersebut.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya; Ketua Parti Keadilan Rakyat (PKR) Cabang Permatang Pauh, Amir Mohd. Ghazali dan Ketua Armada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Safwan Jamal turut sertai majlis tersebut.

## Peruntukan khas laksana COMBI komitmen perangi denggi bersama

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**MACHANG BUBOK -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap peruntukan RM100,000 bagi pelaksanaan program '*Communication For Behavioural Impact*' (COMBI) dapat menyumbang kepada penurunan bilangan kes denggi di Pulau Pinang.

"Seperti tahun lepas (2016), tahun ini pun kita (Kerajaan Negeri) memberikan peruntukan khas ini kerana ia komitmen bersama.

"Kalau pembiakan nyamuk aedes tidak diperangi, semua tahu bahawa denggi ini boleh membunuh anggota keluarga kita," katanya pada Majlis Pelancaran Karnival Kesedaran Denggi Peringkat Negeri Pulau Pinang Tahun 2017 di sini 30 September lalu.

Sebelum itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin memberitahu, sehingga minggu ke-37 tahun ini menyaksikan 1,838 kes denggi dilaporkan, iaitu penurunan sebanyak 14 peratus berbanding tempoh sama pada 2016.

"Kita (Pulau Pinang) telah berjaya menurunkan bilangan kes secara keseluruhan sebanyak 55.8 peratus pada tahun 2016.

"Namun, kita (Pulau Pinang) tidak harus merasa selesa memandangkan jumlah kematian pada tahun ini sehingga kini telah mencapai 13 laporan berbanding 12 laporan pada tahun yang lalu, dan rekod yang paling tinggi kematian akibat denggi ialah sebanyak 19 kes kematian iaitu pada 2015," ujarnya sambil menyeru semua pihak supaya saling bekerjasama dengan COMBI.

Selain itu, tambah Afif, Kerajaan Negeri membelanjakan RM424,000 setahun untuk penggunaan aplikasi dalam telefon pintar, '*artificial intelligence*' untuk meramal kejadian wabak denggi di negeri ini.

"Dengan adanya teknologi baru ini, kita mampu meramal lokaliti-lokaliti yang berpotensi tinggi mengalami wabak denggi," jelasnya.

Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. M. Sukumar Mahesan dan Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah, Dr. Noraishah Jaafar turut hadir pada majlis itu.

Program COMBI merupakan salah satu strategi digerakkan para sukarelawan yang peka dan prihatin dalam kalangan masyarakat setempat untuk melaksanakan aktiviti pencegahan denggi.

## Guan Eng anggap GST 'sedut darah' rakyat, Kerajaan Negeri laksana projek demi kepentingan awam

**BAGAN JERMAL -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menganggap pengenaan 6 peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebagai 'sedut darah' rakyat.

Tegasnya, pentadbirannya yang melaksanakan projek-projek infrastruktur awam di negeri ini turut merasai beban kenaan cukai GST oleh Kerajaan Persekutuan tersebut.

"Mereka (Kerajaan Persekutuan) tidak lihat, dan mengakui beban yang sebenarnya ditanggung oleh rakyat dan Kerajaan Negeri sendiri.

"Itulah sebabnya, GST ini betul-betul macam 'sedut darah' rakyat," katanya pada Majlis Perasmian Projek Penarafan Jalan Raja Uda (P191) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan serta wakil-wakil Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan memberitahu, kerja-kerja pelebaran Jalan Raja Uda daripada dua kepada empat lorong sepanjang empat kilometer (km) sepatutnya tidak dikenakan 6 peratus GST, kerana projek itu demi kepentingan awam dan bukan perniagaan.

"Bayangkan berapakah (kenaan) GST yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan Negeri jika mengambil angka lebih RM16 juta (RM16,255,498.51) yang telahpun dibelanjakan untuk membina jalan, sejak tahun 2008," tanya beliau yang juga ADUN Air Putih.



RUPA bentuk Jalan Raja Uda (P191) yang siap dinaik taraf.

Selain itu, Guan Eng menyatakan bahawa Kerajaan Negeri bagi tahun 2017 memperuntukkan sejumlah RM12.3 juta untuk meneruskan projek-projek menaik taraf Jalan-jalan Negeri.

"Tiga projek sedang dibina, dan enam projek lain pada peringkat reka bentuk," jelasnya.

*Rujuk juga muka 15.*

# Pusat digesa percepat kelulusan APDL RMM di Pulau Pinang

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Persekutuan diminta mempercepatkan kelulusan Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju (APDL) kepada semua projek-projek perumahan mampu milik (RMM) Kerajaan Negeri demi memanfaatkan golongan berpendapatan rendah.

Gesaan tersebut disuarakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli Projek Perumahan Mampu Milik Dua Residensi, Teluk Kumbar di sini 3 Oktober lalu.

Katanya, penting untuk Kerajaan Negeri memperoleh kelulusan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjual unit-unit tersebut melalui permit APDL.

"Begitu penting untuk Kerajaan Negeri selaku penggerak projek-projek perumahan mampu milik negeri untuk memperoleh permit APDL daripada KPKT.

"Di dalam proses penyediaan dan pembekalan perumahan mampu milik ini juga, setelah permit pengiklanan diperoleh, barulah penjualan unit-unit ini dibuat agar usaha pembinaan (perumahan mampu milik) dapat diteruskan.

"Maka, diharap Persekutuan tidak melengah-lengahkan kelulusan APDL ini agar tidak menjejaskan projek-projek Kerajaan Negeri," kata Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada majlis berkaitan.

Hadir menyempurnakan majlis berkaitan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Turut serta Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Projek pembangunan Dua Residensi terdiri daripada 346 unit RMM Jenis B dan 348 unit (RMM Jenis C).

Difahamkan, tahap pembinaan fizikal projek tersebut telah mencapai 58 peratus.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, sejak tahun 2008 apabila Kerajaan Negeri Pakatan Harapan mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, sebanyak 21,535 unit rumah kos rendah (KR) dan kos sederhana rendah (KSR) telah dibina demi memenuhi permintaan golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Jikalau nak dibandingkan dengan jumlah yang dibina oleh kerajaan lama, mereka bina hanya 5,154 unit.

"Ia adalah empat kali ganda banyak... dan kita (Kerajaan Negeri) akan teruskan usaha ini," jelasnya.




**KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon dan Jagdeep Singh Deo pada Majlis Menandatangani Surat Perjanjian Jual Beli Projek Perumahan Mampu Milik Dua Residensi, Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.**



**MEMERHATIKAN perincian projek.**



**PARA pengunjung memerhatikan model yang dipamerkan.**

PEMBERITAHUAN
LEMBAGA BIASISWA DAN PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG
BERSATU DAN SETIA
Mulai 1 Oktober 2017 hingga 31 Disember 2017
Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).
Unit Pinjaman Penuntut,
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

# Kelulusan TPM80PP Kerajaan Negeri jauh lebih tinggi - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**



JAGDEEP Singh Deo (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke projek naik taraf lif Medan Samak Blok 26 dan 28 menerusi TPM80PP di sini baru-baru ini.

**DATUK KERAMAT -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan 95 peratus permohonan Tabung Penyelenggaraan Maksima 80 Peratus Pulau Pinang (TPM80PP, yang ditubuhkan sejak 2013) bernilai RM11.16 juta sehingga September 2017.

Katanya, untuk tahun 2017 sahaja, sejumlah 36 projek telah diluluskan dengan nilai RM5.10 juta.

"Namun, adalah amat mengejutkan apabila sumbangan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) oleh Kerajaan Pusat menjunam sehingga 92.5 peratus bagi tahun 2016.

"Tahun 2015, sumbangan TP1M adalah RM50.73 juta (seluruh negara) namun, pada 2016 cuma RM3.98 juta... ini adalah lebih rendah daripada TPM80PP milik Kerajaan Negeri.

"Menurut rekod juga, daripada 158 permohonan TP1M seluruh negeri, cuma 28 permohonan diluluskan," katanya pada sidang media selepas lawatan ke projek naik taraf lif Medan Samak Blok 26 dan 28 menerusi TPM80PP di sini baru-baru ini.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat berkata, beliau turut berasa kecewa bagi negeri-negeri lain di bawah Barisan Nasional (BN) seperti Kedah, Kelantan, Perlis, Sarawak, Terengganu, Putrajaya, Labuan yang langsung tidak menerima peruntukan TP1M untuk tahun 2016.

"Kerajaan Negeri sememangnya berhak untuk mengetahui status permohonan-permohonan TP1M, kerana Pulau Pinang satu-satunya negeri di Malaysia yang akan menampung baki kos projek 10 peratus bagi penyelenggaraan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah (30 peratus), selain daripada kos yang akan dibiayai Kerajaan Pusat melalui TP1M," jelasnya.

Dalam pada itu, di Medan Samak, Jagdeep turut mengumumkan pembiayaan RM26,627.20 bagi projek naik taraf lif di Blok 26 dan 28.

"Jumlah tersebut adalah 80 peratus dana TPM80PP daripada jumlah sebenar RM33,284,000, dan baki ditanggung oleh badan pengurusan blok tersebut.

"Selain pembekalan rumah mampu milik, Kerajaan Negeri juga beri keutamaan kepada penyelenggaraan bagi skim perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan perumahan berharga RM150,000 (harga beli)," ujar beliau.

## Wan Ji harap Pulau Pinang ikut saranan Al-Quran, terus laksana pembaikan untuk rakyat

**GEORGE TOWN -** Penceramah terkenal, Ustaz Wan Ji Wan Hussin yang baru dilantik sebagai Pegawai Penerangan di Pejabat Ketua Menteri berharap Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang terus melaksanakan usaha-usaha pembaikan untuk rakyat, sebagaimana disarankan dalam Al-Quran.

Katanya, Al-Quran sendiri pada ayat 117 daripada Surah Hud yang bermaksud, "Dan Tuhanmu tidak sekali-kali hendak membinasakan mana-mana negeri dengan sebab kezaliman penduduknya, selagi mereka sentiasa memperbaiki keadaan sesama sendiri," adalah merujuk pada usaha-usaha pembaikan untuk rakyat yang dilakukan oleh pemimpin bukan Islam.

"Kerajaan, menurut ayat itu adalah pemerintah yang tidak beragama Islam.

"Atas semangat Islam, saya percaya politik ini adalah kebaikan, mesti ada daripada pemerintah dan rakyat.

"Saya melihat Pulau Pinang melakukan banyak kebaikan untuk rakyat, terutama kepada orang Melayu dan Islam, dan saya berasa kebaikan ini wajar diteruskan," katanya sambil memetik tafsiran Sheikh Dr. Yusof Al-Qaradawi dan ahli tafsir terkenal, Fakhruddin Ar-Razi, ketika menjawab soalan wartawan.

Sebelum itu, Wan Ji melafazkan sumpah terimaan jawatan di depan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Turut menyaksikan, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Datuk Saifuddin Nasution Ismail (Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri).

Saifuddin dalam pada itu memberitahu, Wan Ji akan memainkan peranan menerangkan mengenai dasar-dasar Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang dalam memartabatkan Islam di negeri ini.

Selain itu, tambah beliau, Wan Ji juga akan membantu dalam menangkis dakyah-dakyah pembangkang Pulau Pinang, yang menggambarkan Kerajaan Negeri hari ini kononnya anti-Islam dan anti-Melayu.



WAN Ji Wan Hussin.

# Pemenang Peraduan Mewarna, Melukis Poster dimuktamad

Oleh : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Seramai tujuh pemenang Bakat Si Cilik-Mewarna 4.0 serta tiga pemenang Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: Saya ❤ Pulau Pinang anjuran Buletin Mutiara dimuktamad 27 September lalu di sini.

Jawatankuasa Juri Pemilihan bagi kedua-dua pertandingan tersebut ialah Pegawai Khas Undang-undang kepada Ketua Menteri, Raja Syarafina Raja Shuib, Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharati dan Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Oon Lai Kuan.

"Kedua-dua peraduan ini memberi ruang buat para peserta menyatakan gambaran menyeluruh tentang Pulau Pinang.

"(Penganjuran) ia patut diteruskan bukan sahaja untuk kanak-kanak, tetapi dewasa juga.

" Melalui pertandingan seumpamanya, peserta boleh mengekspresikan cara mereka cintakan negeri Pulau Pinang," ujar Lai Kuan mewakili barisan juru lain selepas selesai sesi pemilihan para pemenang di sini.

Kedua-dua penganjuran yang berlangsung dari 1 April hingga 31 Julai 2017 masing-masing menerima kira-kira 2,000 penyertaan.

Para pemenang peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna 4.0 berpeluang membawa pulang wang tunai bernilai RM400 bagi tempat pertama, RM250 (naib johan), RM150 (tempat ketiga) dan empat hadiah saguhati.

Manakala, bagi Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: Saya ❤ Pulau Pinang, RM500 ditawarkan kepada pemenang tempat pertama, RM300 (naib johan) dan RM200 (ketiga).

Para pemenang akan dihubungi pihak penganjur bagi menuntut hadiah masing-masing dalam tempoh terdekat.

Berikut adalah senarai pemenang peraduan-peraduan berkenaan.



(Dari kiri), OON Lai Kuan, S. Bharati dan Raja Syarafina Raja Shuib meneliti beberapa karya penyertaan.

**Senarai Pemenang Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0**

| | |
|---|---|
| CHEW YU QI | 080701-07-XXXX |
| SYDNNIE YEN JIN XIN | 050921-07-XXXX |
| FONG JIA XIN | 051017-07-XXXX |
| SHARIFAH SOFIA | 100528-08-XXXX |
| LEE SIN XUAN | 070912-07-XXXX |
| MIREASH A/L KRISHNAN | 110608-08-XXXX |
| ANG KOK MIAO | 080703-07-XXXX |

**Senarai Pemenang Peraduan Melukis Poster**

**Kategori : 13 Tahun dan Ke Atas**

| | |
|---|---|
| CH'NG CHIEW HUI | 861226-35-XXXX |
| LIM XIN YING | 010302-07-XXXX |
| CHEW SOO THEAM | 660320-07-XXXX |

SENARAI pemenang Bakat Si Cilik-Mewarna 4.0 dan Pertandingan Melukis Poster Bertemakan: Saya ❤ Pulau Pinang anjuran Buletin Mutiara di sini.





SEBAHAGIAN penyertaan yang diterima.




# 18 tahun, Pulau Pinang masih menunggu peruntukan RTB Lembangan Sungai Pinang - Exco

**GEORGE TOWN -** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, semua kawasan rendah sekitar lembangan Sungai Pinang akan terus terdedah pada risiko banjir, selagi Kerajaan Pusat terus menangguhkan pemberian peruntukan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) berwajib yang dianggarkan kira-kira RM654 juta

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kejadian banjir yang melanda Jalan P. Ramlee dan Jalan Makloom serta beberapa kawasan di sini pada hujung September lalu.

"Sudah 18 tahun kita menunggu, kawasan-kawasan dalam lembangan Sungai Pinang ini kalau melepasi curahan hujan yang (begitu banyak walaupun) dalam tempoh singkat, maka kawasan ini akan mengalami banjir.

"Oleh itu, kita menegaskan bahawa projek ini perlu dilaksanakan sebaik sahaja Fasa Satu RTB Sungai Pinang siap pada tahun 1998 (dan) 1999, tetapi tidak dijalankan," katanya pada sidang media bersama-sama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengemukakan permohonan peruntukan lebih 20 tahun lalu untuk menangani risiko banjir di negeri ini, dan peruntukan untuk Pulau Pinang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-7 (RMK-7) dalam tempoh 1996 hingga 2000.

Dalam RMK-11 yang dibentangkan pada 23 Mei 2015, Kerajaan Pusat berjanji untuk memberikan peruntukan berwajib untuk lima projek RTB di negeri ini, keseluruhannya berjumlah RM997 juta.

Mengikut pecahan, kos solusi RTB Lembangan Sungai Pinang sahaja direkodkan bernilai RM654 juta, diikuti RTB Lembangan Sungai Perai (RM70 juta), RTB Lembangan Sungai Juru (RM80 juta), RTB Lembangan Sungai Jawi (RM40 juta) dan RTB Bayan Lepas (RM153 juta).

Kon Yeow pada 8 November 2016 menggesa Kerajaan Pusat meluluskan RM350 juta untuk projek RTB Lembangan Sungai Pinang yang dianggap 'ibu penyelesaian utama' bencana banjir kilat di bahagian pulau, ketika negeri ini dilanda banjir pada hujung tahun lepas.

"Memandangkan peruntukan RM150 juta telahpun (Pusat) turunkan, maka JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) perlulah mengkaji semula skop (projek RTB Lembangan Sungai Pinang) ini berdasarkan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat," jelasnya.

Sungai Pinang bermula dari Dobi Ghaut hingga muara Sungai Pinang.

Manakala, lembangan Sungai Pinang terdiri daripada enam anak Sungai dari Bukit Bendera dan Air Itam mengalir ke Sungai Pinang.



CHOW Kon Yeow.

# RTB Sungai Junjung: Anggaran RM135 juta, Pusat hanya belanja RM18 juta - KM



SUNGAI Junjung kini.

**BUKIT TAMBUN -** Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memohon RM135 juta peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Junjung, tapi yang telahpun dibelanjakan setakat ini di sini baru RM18 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian ketika melawat tapak kemajuan projek itu, bersama-sama Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow baru-baru ini.

"Projek RTB Sungai Junjung ini merupakan satu contoh yang terbaik yang mana RM135 juta diperlukan, tetapi dibelanja hanya RM18 juta," ujarnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong; Pengerusi JPS Negeri, Ir. Sabri Abdul Muluk serta Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai lawatan kerja tersebut.

Sebelum itu, Sabri menjelaskan bahawa RM2.6 bilion yang disebut Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman bukanlah jumlah perbelanjaan Kerajaan Pusat sejak tahun 2006 untuk menangani kejadian banjir di negeri ini, sebaliknya (angka itu sebenarnya) adalah anggaran projek-projek RTB yang dimohon oleh JPS negeri sahaja.



# Luaskan kerjasama strategik serantau, pulihara warisan budaya tidak ketara tempatan




**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada penganjuran *2017 Southeast Asian Collaborative Meeting On Safeguarding Intangible Cultural Heritage* di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap Pulau Pinang dapat saling bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan dunia dalam usaha memelihara warisan budaya tidak ketara sekitar negeri ini, khususnya di Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Justeru, beliau berharap penganjuran *2017 Southeast Asian Collaborative Meeting On Safeguarding Intangible Cultural Heritage* baru-baru ini menjadi satu lagi platform strategik untuk mesyuarat bersama ke arah meningkatkan daya upaya komuniti dalam memelihara warisan kebudayaan tidak ketara serantau.

"(Warisan) ketara adalah sesuatu yang boleh dilihat secara nyata, disentuh dan dirasai, tetapi (warisan budaya) tidak ketara adalah sesuatu untuk generasi akan datang merasainya.

"Maka, wadah ini begitu penting kerana saling kerjasama merentasi sempadan negara untuk mengenal pasti kekuatan bersama dan meneroka peluang baharu bagi mewujudkan langkah pemuliharaan warisan budaya tidak ketara dengan lebih baik lagi," ucapnya yang juga Pengerusi Perbadanan George Town Tapak Warisan Dunia (GTWHI) pada majlis perasmian penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar Information and Networking Centre for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pasific Region (ICHCAP), Khow Huh serta Ketua Unit Kebudayaan bagi Pejabat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan PBB (UNESCO) di Bangkok, Duong Bich Hanh turut berucap pada kolokium tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow; Pengurus Besar GTWHI, Dr. Ang Ming Chee dan fasilitator bengkel kerja pembangunan kapasiti UNESCO, Frank Proschan.

Menurut Guan Eng, langkah Kerajaan Negeri menubuhkan GTWHI pada tahun 2010 merupakan salah satu simbol pentadbirannya begitu cakna mengenai warisan ketara dan warisan tidak ketara di negeri ini.

Tambah beliau, usaha-usaha Kerajaan Negeri memelihara warisan ketara dan tidak ketara di Pulau Pinang sehingga kini secara 4P iaitu "*peoples, public, private partnership*".

Kolokium kali ini adalah membabitkan beberapa pembentang antarabangsa, antaranya, Prof. Dr. Norma A. Respicio (*University of the Philippines*); Ir. Asfarinal Nanang (Pengarah Eksekutif Jaringan Kota Pusaka Indonesia); Dr. Le Thi Minh (Pengarah Pusat Penyelidikan dan Promosi di Persatuan Warisan Budaya Vietnam) dan Ming Chee sendiri dari Pulau Pinang.

BERI KELEBIHAN PADA BISNES ANDA DI CLOUD9




• Hakmilik Kekal
• 5% Diskaun Untuk Bumiputra

• Program pemilikan mudah
• Orientasi Utara-Selatan
• Reka bentuk bumbung berganda
• 5 lif berkhidmat untuk pejabat kedai 4 tingkat
• Tempat letak kereta diperuntukkan bagi setiap unit
• Sambungan Internet berkelajuan tinggi yang tersedia
• Terletak di tengah Bandar Georgetown

PELAN LOKASI




BHL Waterfront Sdn. Bhd. (1830-M)
51-23 Menara BHL,
Jalan Sultan Ahmad Shah,
10050 Pulau Pinang.

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi:
+604 226 4466
www.sandilands.com.my

• Kelulusan Pihak Berkuasa : Majlis Bandaraya Pulau Pinang • No Rujukan Pelan Bangunan: MPPP/ OSC/ PB(7098)/15(LB)
• Tarikh Jangka Siap: Oktober 2017 • Jumlah Unit: 36 • Harga Jualan: RM 317,500.00 (min), RM 2,255,000.00 (max)

# Kisah Malaysia melalui Perlembagaannya (Bahagian II)

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Felo Penang Institute merangkap Ahli Parlimen Bukit Bendera**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**1962: Pengukuhan Kuasa**

Pindaan kepada Perlembagaan pada tahun 1962 merupakan sesuatu yang penting. Satu usul dibentangkan untuk meminda 29 perkara, menambah lagi 3 perkara dan memansuhkan 3 perkara yang lain. Perubahan juga dilakukan kepada beberapa jadual, termasuk pengenalan Jadual ke-13 yang menyentuh tentang undang-undang pilihan raya.

Secara keseluruhannya, pindaan 1962 telah menyaksikan pengetatan undang-undang dan hal pentadbiran yang lain yang melibatkan kuasa eksekutif, kuasa perundangan dan hal-hal kewangan, termasuk pengagihan hasil-hasil dari mineral kepada negeri-negeri. Beberapa perubahan besar juga terhasil, terutama sekali di Bahagian III dan Bahagian VIII yang menyentuh tentang peraturan-peraturan kewarganegaraan dan sistem pilihan raya.

Kedua-dua ini mempunyai kaitan dengan kemampuan kerajaan Perikatan untuk kekal buat masa jangka panjang.

Hak kewarganegaraan merupakan antara isu politik yang panas sehingga pencapaian merdeka, malah terus mendapat tempat dalam wacana awam pada tahun-tahun seterusnya. Suruhanjaya Reid yang telah menulis Perlembagaan telah membuka syarat-syarat kewarganegaraan agar ramai rakyat bukan-Melayu layak menjadi warganegara yang berhak mengundi.

Kesan daripada polisi kewarganegaraan yang lebih terbuka dirasai pada tahun 1959, tahun pertama pilihan raya umum pertama diadakan. Kerusi Kerajaan Perikatan di dalam Majlis Perundangan Persekutuan jatuh daripada 99% ke 71% dalam Parlimen Malaya yang baru. Tidak cukup dengan kehilangan dua negeri-negeri majoriti Melayu iaitu Kelantan dan Terengganu, Perikatan juga kurang mendapat sokongan daripada pengundi-pengundi bukan-Melayu di kawasan-kawasan bandar.

Maka, dengan terhakisnya pengaruh, Perikatan mula memikat hati pengundi Melayu dengan mengadakan satu program besar pembangunan desa, di samping mengehadkan pengaruh bukan-Melayu melalui dua cara. Pertama, syarat-syarat kewarganegaraan diketatkan dan kuasa mengikut budi bicara dalam tangan eksekutif ditambahkan. Kedua, perubahan penting dilakukan kepada sistem pilihan raya bagi mengekang kekuatan pengundi-pengundi bukan-Melayu.

Peminjam : NG SUNG SUNG - 71100607****
62-1-16 TAMAN SRI PENAWAR, JALAN FREE SCHOOL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NG KOK THYE - (MENINGGAL DUNIA)
E1-9-18 GREENLANE HEIGHTS, LORONG GANGSA 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HEAN BOON KWEY - 62100508****
8-04 PANGSAPURI SERI ORKID, LORONG BULAN 1 OFF JLN TAMBY KECIL 13000 BUTTERWORTH




# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 4986
Peminjam : MUHAMMAD NAJHAN SHAHIR BIN HALIM - 76012107****
NO.33 JALAN 14, TAMAN GREENWOOD INDAH 68100 BATU CAVES, SELANGOR
Penjamin 1 : ABDUL HADI BIN OMAR - 68051802****
NO. 51 TAMAN MELUR, JALAN WANG TEPUS, 06000 JITRA, KEDAH
Penjamin 2 : YUSOF BIN SAID - 69080808****
NO. 39 JALAN 7A/7, BANDAR TASIK PUTERI 48000 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 4988
Peminjam : SHAHRUL IDZHAM BIN MOHD NOOR - 75051814****
4018 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : MOHD NOOR B ABU BAKAR - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 4018 LAHAR YOOI 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NOR HAZMITA BT MOHD NOOR - 70060708****
LOT 1583 JALAN GUCHIL 6 LUAR , 18020 KUALA KRAI, KELANTAN

No Akaun : 6178
Peminjam : CHEW TECK HWA - 74020407****
6A MK 7 PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AIM SWE SAN - 57121507****
1167 MK 9 BUKIT GEMURUH, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 2 : LOH BAN AUN - 74072407****
M-12-3 DESA MEDURA, LEBUH RELAU 6, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG

No Akaun : 6185
Peminjam : TAN LEE SAH - 74022707****
15 LORONG 20/SS1, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1 : TAN BOON MENG - 57110607****
NO. 10 LORONG GUAR PERAHU 7, TAMAN GUAR PERAHU, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TAN LEE LEE - 67041707****
NO. 288-B SUNGAI JAN , 27000 JERANTUT, PAHANG

No Akaun : 6209
Peminjam : KHOO LAY KIM - 73082507****
12 LORONG TEMBIKAI 3, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : CHING PECK EE - 70071010****
17 JALAN WAWASAN 4/9, PUSAT BANDAR PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR
Penjamin 2 : LIM SENG SAN - 68091407****
17 JALAN WAWASAN 4/9, PUSAT BANDAR PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR

No Akaun : 6260
Peminjam : AL-RIFAE BIN MOHAMED ISHAK - 70111771****
NO. 46 KAMPUNG MALABAR 10100 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AL-ZIFIRI BIN MOHAMED ISHAK - 68032971****
BLOK 88-05-12A LINTANG SG PINANG, SRI WONDER KOMPLEKS 10150 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMED RABIK BIN YUNOS - (MENINGGAL DUNIA)
24 JALAN CHENDRAI, LUCKY GARDEN BANGSAR 59000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 6274
Peminjam : NG WOOI KIANG - 76090707****
26 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG HEE CHYE - (MENINGGAL DUNIA)
17 KAMPUNG ASTON, 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH
Penjamin 2 : CHOO HOCK LAM - 61031002****
NO. 95 LORONG SEJAHTERA JAYA 1, TAMAN SEJAHTERA JAYA, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6284
Peminjam : SEOW CHUN WEI - 76061707****
23 JALAN NURI 3, TAMAN NURI 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : BOI AH BAH@BOEY SU CHONG - (MENINGGAL DUNIA)
3434 JALAN BAYAN, TAMAN SENTOSA, 14300 NIBONG TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : SEOW AH BAH - (MENINGGAL DUNIA)
9 TINGKAT TIONG 1, TAMAN BAHAGIA, 14300 NIBONG TEBAL

No Akaun : 6295
Peminjam : LAI JEE SHIAN - 76082007****
3 JALAN PANGLIMA AWANG 35/118A, TTDI ALAM IMPIAN, SEKSYEN 35, 40470 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : KHOO BOO TEONG - 61071107****
16 LORONG TANAH AMAN 6, TAMAN TANAH AMAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : KHOO BEE HOOI - 43110607****
36 TINGKAT BETIK 4 , SUNGAI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 6388
Peminjam : MOHAMED HAFFIS BIN MOHOSSAIN - 76123007****
NO.9 JALAN P14 E1/1, PRESINT 14, 62050 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : MOHAMMED HASSAN BIN MOHOSSAIN MOLLA - A1908***
L-G-3 PANGSAPURI TANJUNG TOKONG, FASA 4A, 10470 PULAU PINANG
Penjamin 2 : HAJA MOHIDEEN BIN SHAIK DAWOOD - 63090171****
60-4-9 TAMAN SRI PERAK, JALAN SLIM, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 6412
Peminjam : ARSHAD BIN OSMAN - 76021207****
PUSAT KAJIAN HIDROGEOLOGI, LOT 5377 JALAN PUTRA PERMAI, 43300 SERI KEMBANGAN
Penjamin 1 : MOHD ZAINI BIN RAMLI
PENANG PORT SDN BHD, P.O.BOX 1204, 10710 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MAT SAAD BIN REJAB - 47051802****
NO.32 KAMPUNG BATU 6, 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 6427
Peminjam : MAGESWARAN A/L ARUNASALAM - 76122807****
8 LORONG BAYU AMAN 4, TAMAN BAYU AMAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : VIJAYAN A/L GOVINDASAMY - 72032607****
D-G-7 BLOK D, PANGSAPURI DESA SAUJANA, SEKSYEN 3, TAMAN SUNGAI BESI INDAH, 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR
Penjamin 2 : RAMESH KUMAR A/L PERUMAL - 69080701****
NO. 127 JALAN KERONGSANG 8 , BANDAR PUTERI, KLANG, 41200 SELANGOR

No Akaun : 6497
Peminjam : AHMAD FAIZAL BIN ISHAK - 76061814****
NO. 21 JALAN IMPIAN PUTRA 4/4, TAMAN IMPIAN PUTRA, KAJANG 43000 SELANGOR
Penjamin 1 : ISHAK BIN BORHAN - 49011705****
AX-G-3 TAMAN TUN SARDON, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MEGAT ABDULLAH B MEGAT AHMAD - 3537***
63 LORONG 2, TAMAN PERUDA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH

No Akaun : 6509
Peminjam : FIZATTUL SUHAIDA BT MOHD YUSOF - 76111407****
1129 JALAN SEMPADAN 14320 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : ABDULLAH B SALLEH - 53071008****
131 TEBOK HAJI MUSA, TITI SERONG, PARIT BUNTAR, 34200 PERAK
Penjamin 2 : HAJI ZAINOL B SALLEH - 46041902****
NO. 80 JALAN TENGAS, TAMAN SERI TENGGARA, 34200 PARIT BUNTAR, PERAK

# Lawatan mengejut demi pantau tahap kemajuan projek perumahan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **WONG BOON FOEI**

**BAGAN DALAM -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo buat kali pertama mengadakan lawatan mengejut ke tapak pembinaan projek Rumah Mampu Milik (RMM) kendalian Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Kampung Jawa di sini pada awal pagi 2 Oktober lalu.

Bercakap kepada pemberita, beliau memberitahu bahawa pihaknya akan mengadakan lebih banyak lagi lawatan mengejut demi memastikan tahap pemajuan semua projek Kerajaan Negeri dan syarikat swasta mengikut jadual pembinaan.

"Sebagai Exco, lawatan mengejut saya ini adalah demi memastikan projek-projek pembinaan mengikut garis masa yang dirancang.

"Saya akan memantau semua projek RMM Kerajaan Negeri, juga projek perumahan dikendalikan pemaju swasta selepas ini," jelas Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada lawatan berkaitan.



JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kiri), Tan Yeow Song (dua dari kiri) dan wakil-wakil berwajib bergambar berlatarbelakangkan projek RMM kendalian PDC dekat Kampung Jawa di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, pihaknya akan memaklumkan kurang daripada dua jam kepada pihak berwajib di sesebuah tapak pamajuan perumahan, sebelum mengadakan lawatan mengejut kelak.

Tambahnya, sehingga kini terdapat 17 projek RMM Kerajaan Negeri dalam pelbagai tahap perancangan pemajuan bagi menyediakan sejumlah 28,230 unit kediaman.

"(Daripada 17 projek RMM itu), lima projek yang telah kita (PDC) mula iaitu di Bandar Cassia, Teluk Kumbar, Kampung Jawa, Sandilands dan Jalan SP Chelliah," jelas Jagdeep sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri turut meluluskan projek-projek perumahan swasta lain yang bakal menyediakan kira-kira 36,000 unit kediaman pelbagai kategori.

Timbalan Pengurus Besar 2 PDC, Tan Yeow Song dalam pada itu memberitahu, projek perumahan di Kampung Jawa adalah terdiri oleh 707 unit kediaman pelbagai kategori.

Jelas beliau, Blok A setinggi 35 tingkat terdiri daripada 354 unit kediaman RMM pelbagai kategori dengan luas lantai antara 850 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi serta ditawarkan dengan harga seunit antara RM200,000 hingga RM250,000.

"Blok B setinggi 25 tingkat terdiri daripada 353 unit kediaman kos rendah dengan luas lantai 700 kaki persegi; ditawarkan dengan harga seunit RM72,500.

"Projek ini dijangka siap pada tahun 2018, dan tahap (pelaksanaan projek mengikut jadual pemajuan adalah) 84 peratus," ujar Yeow Song.




LAKARAN grafik projek yang sedang dijalankan.







# Speaker puji komuniti luar bandar tubuh pusat sumber alam sekitar

**BUKIT TAMBUN -** Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang berharap lebih banyak kawasan luar bandar menubuhkan pusat sumber alam sekitar, sebagaimana inisiatif komuniti Perkampungan Valdor mengasingkan sisa organik dan barangan kitar semula di sini.

"Saya cukup berharap bahawa semua ahli JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) selepas ini merancang dan mencari jalan macam mana kita boleh meningkatkan lagi kadar peratusan barangan kitar semula," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun pada Majlis Pembukaan Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor di sini 17 September lalu.

Choo Kiang dalam pada itu turut memuji pentadbiran Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud yang mensasarkan Seberang Perai diiktiraf sebagai Bandar Rendah Karbon pada tahun 2022.

Menurutnya, kadar kitar semula pada 2022 mesti mencapai tahap 70 peratus untuk mencapai sasaran pentadbiran MPSP, walaupun 42.60 peratus kadar kitar semula pada tahun lalu sebenarnya adalah tertinggi di tanah air ini serta melepasi 10.5 peratus yang ditetapkan peringkat kebangsaan.

"Walaupun sasaran 70 peratus ini begitu tinggi, tetapi untuk mencapai status Bandar Rendah Karbon, semua pihak termasuk komuniti penduduk kampung mesti melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, yang telahpun dikuatkuasakan sejak 1 Jun lalu," jelasnya.

Sebelum itu, Rozali ketika berucap menyatakan bahawa 42.60 peratus kadar kitar semula bagi seluruh negeri Pulau Pinang pada 2016 menunjukkan angka peningkatan, berbanding 39.64 peratus pada tahun sebelumnya.

Katanya, partisipasi komuniti kampung dan desa menubuhkan pusat sumber alam sekitar setempat sekaligus menyumbang kepada usaha menjimatkan kos pengurusan sisa MPSP.

"Usaha ini dapat membantu MPSP mengurangkan kos pengurusan sampah yang mana pada tahun 2016 sahaja, jumlah lebih RM8 juta (RM8,766,971.90) bagi 434,008.51 tan sampah yang dihasilkan di seluruh Seberang Perai dibelanjakan dan dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burong.

"Dengan adanya kesedaran tentang kos pelupusan sampah yang tinggi, adalah diharapkan para penduduk Seberang Perai bersama-sama MPSP mengurangkan kos dengan bersama-sama melaksanakan amalan kitar semula sampah iaitu menjadikan suatu bahan yang boleh digunakan semula," seru Rozali.

Hasil penjimatan kos pengurusan sampah MPSP, menurut beliau, boleh digunakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan awam lain bagi penduduk Seberang Perai.



**LAW Choo Kiang dan Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod ketika menyempurnakan Majlis Pembukaan Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor di sini baru-baru ini.**

## Anugerah kitar semula didik generasi pelapis praktik sebagai amalan harian

Oleh : **NOOR SITI NABILAH NORAZIS**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA -** Sejumlah 23,612 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpulkan para pelajar daripada 60 sekolah di Seberang Perai sempena Pertandingan Anugerah Kitar Semula Anjuran Fraser & Neave (F&N) Holdings Berhad dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud pada majlis penutupan pertandingan tersebut berkata, penganjuran tersebut adalah penting untuk mendidik generasi pelapis supaya menjadikan aktiviti kitar semula sebagai satu amalan dalam menjalani kehidupan harian.

"Pendekatan secara holistik seperti ini perlu dipupuk sejak di bangku sekolah sama ada sekolah rendah mahupun menengah, kerana ia amat penting untuk menjamin bumi kita agar terus terpelihara.

"Difahamkan, dalam penganjuran yang berlangsung selama enam bulan sejak 1 Mac lalu mencatatkan sebanyak 23.162 kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpul oleh sekolah-sekolah yang mengambil bahagian.

"(Dan) pastinya kita mahu meluaskan inisiatif ini dengan mendidik pelajar sekolah mengenai falsafah 5R iaitu *Reduce* (Kurangkan), *Reuse* (Guna Semula), *Recycle* (Kitar Semula), *Rethink* (Fikir Semula) dan *Reinvent* (Cipta Semula)," ujarnya.

Sementara itu, Pengurus Hal Ehwal Korporat F&N Holdings Berhad, Cariessa Goh memberitahu, pihaknya menghargai kerjasama MPSP sepanjang penganjuran berkenaan.

"Kami yakin kempen ini akan terus mendapat sokongan daripada pihak sekolah-sekolah di sini (Seberang Perai) termasuk Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang dan Tetra Pak Malaysia.

"(Dan) sejak memulakan inisiatif ini, hampir 1.5 juta kilogram bahan kitar semula berjaya dikumpulkan," jelasnya.

Pertandingan Kitar Semula Anjuran F&N dan MPSP dibuka kepada semua sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai, dan pihak yang mengambil bahagian perlu mengumpul bahan kitar semula sebanyak mungkin khususnya kertas, plastik serta aluminium.

Tahun ini, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Perkampungan Berapit diumumkan sebagai juara bagi Kategori Sekolah Rendah dengan jumlah kutipan bahan kitar semula sebanyak 7.66 kilogram.

Manakala, Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Madrasah Al-Khariah mengungguli Kategori Sekolah Menengah, 6.43 kilogram.




**SR. Rozali Mohamud (tengah, berkemeja hijau) bergambar kenangan bersama-sama barisan penganjur, para pemenang dan peserta penganjuran Pertandingan Kitar Semula Anjuran F&N dan MPSP di sini baru-baru ini.**



# Jangan sekat minat anak-anak dalam sukan - Exco

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **MSNPP**

**GEORGE TOWN -** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng menyarankan supaya ibu bapa tidak menyekat minat dan penglibatan anak masing-masing dalam bidang sukan.

"Ini kerana, bidang sukan kini mempunyai skop sangat luas terutama dalam membentuk jati diri serta menanam sikap tahan lasak bagi mengharungi tekanan serta mencari jalan bagi mengatasi cabaran mendatang.

"Penglibatan anak-anak dalam dunia sukan tidak seharusnya terhenti selepas tamat bangku persekolahan sahaja, sebaliknya, jadikan bidang ini sebagai salah satu pilihan kerjaya kerana ia semakin dipandang tinggi, sentiasa berkembang dan tidak hanya terhad pada peringkat negeri sahaja,'' ucapnya pada penganjuran Program Roadshow Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) Ke-4 2017 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An.

Dalam pada itu, Chong Eng turut memuji barisan atlet Pulau Pinang yang berjaya menyumbang 22 pingat emas, perak (13) dan gangsa (7) pada Sukan SEA ke-29 Kuala Lumpur 2017 baru-baru ini.

"Sebagai tambahan, kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-9 Kuala Lumpur 2017 yang baru tamat pada 23 September lalu juga tidak kurang hebatnya apabila lapan daripada 16 atlet paralimpik dari Pulau Pinang berjaya menyumbang 11 pingat emas, perak (4) dan gangsa (2)," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.



**CHONG Eng (tengah, berbaju jingga) bergambar kenangan bersama-sama sebahagian atlet yang mengambil bahagian dalam penganjuran Program Roadshow MSNPP Ke-4 2017 di sini baru-baru ini.**



# Kesedaran kitar semula perlu dipupuk pada usia muda - Maimunah

**GEORGE TOWN** - Sebanyak 144.492 tan bahan kitar semula berjaya dikumpulkan 104 sekolah yang menyertai Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2017 anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersama-sama syarikat Fraser & Neave Holding Berhad dan Tetra Pack (Malaysia) Sdn. Bhd..

Datuk Bandar MBPP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif menyatakan sedemikian ketika berucap pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2017 di sini baru-baru ini.

"Peningkatan tersebut merupakan 13.60 peratus lebih berbanding apa yang dikumpul pada tahun lepas (2016) iaitu 127.194 tan, dan ini merupakan satu prestasi yang membanggakan.

"Syabas diucapkan kepada semua warga sekolah yang mengambil bahagian.

"Malah, tahun ini juga mencatatkan peningkatan penyertaan iaitu daripada 90 sekolah pada tahun lalu, kepada 105 (sekolah) pada 2017, termasuk 20 buah pra sekolah," katanya.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang; Penyelia Kanan Hal Ehwal Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut, Abdul Qalam Hamid; Ketua Pegawai Eksekutif Fraser & Neave Holding Berhad, Lim Yew Hoe dan wakil Tetra Pack (Malaysia) Sdn. Bhd., Terrynz Tan.

Tambah Maimunah, bagi 2012, MBPP cuma menerima 18 penyertaan dan saban tahun ianya meningkat.

"Jadi kami di MBPP akan terus menarik lebih banyak sekolah untuk menyertai pertandingan ini tahun hadapan kerana maklum bahawa kesedaran kitar semula ini perlu dipupuk pada usia muda, iaitu melentur buluh biarlah daripada rebungnya," jelasnya.

Pada pertandingan tersebut, Sekolah Kebangsaan (SK) Balik Pulau berjaya muncul johan untuk Kategori Pra Sekolah dan Kategori Sekolah Rendah, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Eng Chuan.

Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Chung Hwa Confusion muncul juara bagi Kategori Sekolah Menengah, diikuti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Agama Al-Mashoor (Lelaki), naib johan dan SMK Pulau Tikus, ketiga.

Antara anugerah lain yang dipertandingkan termasuk, Anugerah Khas Pengumpulan Plastik dan Aluminium, Anugerah Tetra Pack, Anugerah E-Waste Tertinggi serta Anugerah Sudut Kitar Semula Kreatif Inovatif.

Para pemenang menerima wang tunai, trofi dan sijil penyertaan.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung kuning), Ar. Yew Tung Seang, barisan penaja dan ahli jawatankuasa penganjur bergambar kenangan dengan para pemenang serta peserta Pertandingan Kitar Semula Peringkat Sekolah 2017 di sini baru-baru ini.






MAMMO PENANG

MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

### Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Okt. | 21 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 22 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 28 | Padang Kota | Bukit Tambun | 29 | Batu Maung | Perai |
| Nov. | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| Dec. | 2 | Batu Uban | Machang Bubok | 3 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |

# Jelajah Sedia Mendengar ke projek infrastruktur unik Pulau Tikus

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKILI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**MUNGKIN** di Jalan Burma sahaja terdapat ruang awam yang begitu unik, moden dan menarik, dengan hiasan arca lembu, buaian, meja istirehat yang dikelilingi landskap pokok renek begitu indah.

Demikian seloroh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dalam program Jelajah Sedia Mendengar Chow Kon Yoew, sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir ke sini baru-baru ini.

Menurut Soo Huey, projek tersebut merupakan hasil tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihak swasta bersama-sama pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Tikus.

"Saya mengalu-alukan pihak MBPP untuk menaik taraf ruang-ruang pejalan kaki dan bahu jalan di bawah seliaan majlis untuk diperindahkan begini.

"Selain pemandangan yang cantik, ianya juga berfungsi sebagai 'penyejuk' (menenangkan) tekanan kepada kesesakan lalu lintas yang sering dihadapi pengguna jalan ini," katanya kepada pemberita.

Jelajah Kon Yeow turut ke Lengkok Burmah, untuk mendengar sendiri masalah penduduk setempat Kampung Sireh di atas tanah milik MBPP.

Bercakap kepada pemberita, beliau berharap situasi 'menang-menang' boleh segera dicapai oleh penduduk, penjaja dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya rasa tindakan jangka pendek masih diperlukan dalam membantu penjaja di kawasan ini yang sudah lama berniaga di sini, selama mana tiada perancangan pembangunan tetap yang ingin dijalankan.

"Menentukan masa depan kawasan ini sebenarnya menjadi isu pokok.

"Saya akan mengajak Datuk Bandar bagi MBPP (Dato' Maimunah Mohd. Sharif) dan Setiausaha Bandaraya (Ar.) Yew Tung Seang mengadakan lawatan ke sini juga," ujarnya.

Bagi Soo Huey sendiri, kemudahan asas setempat perlu dinaik taraf lagi, sebagai pelan jangka pendek untuk para peniaga di Lengkok Burma.

"Kita dapat lihat lantai ruang peniaga yang berlumpur, tandas awam juga tidak diselenggara dengan baik.

"Di sebelah ini juga ada taman poket, namun kelihatan rumput tidak dijaga rapi, di samping kawasan lapang yang tidak sesuai digunakan untuk apa-apa aktiviti.

"Saya seru kepada MBPP agar dapat memperbaharui landskap di kawasan berkaitan untuk mempertingkatkan fungsinya kepada masyarakat setempat," jelasnya.

Sebelum itu, Soo Huey di Taman Kristal mencadangkan sebidang lot tanah terbiar dikembalikan kepada PBT, memandangkan pemaju berwajib gagal membina pasar di sini.

"Saya difahamkan pemaju tersebut telah muflis, jadi jika dibiarkan kosong ianya memberi tanggapan negatif.

"Tambahan pula, saya dapat aduan aktiviti tidak sihat seperti penggunaan dadah turut berlaku di situ.

"Justeru saya ingin memohon MBPP mengambil balik tanah tersebut dan membangunkan projek-projek yang boleh beri manfaat kepada masyarakat. Mendirikan pasar dilihat tidak sesuai kerana di sini sudah sesak dan padat," kata beliau kepada Kon Yeow.

Di Taman Teguh, mereka menerima aduan penduduk mengenai isu pencemaran udara yang dipercayai berpunca daripada aktiviti pembakaran abu mayat dekat Relau.

Mengulas lanjut, Soo Huey menyatakan kebimbangan isu pencemaran itu akan mengancam kesihatan penduduk setempat.

Dalam reaksi balas, Penolong Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang, Lee Say Chuan memaklumkan bahawa pihaknya akan menjalankan siasatan terperinci berhubung aduan komuniti terbabit.

Di Tingkat Erskine, MBPP memaklumkan mengenai hasrat pemasangan lampu isyarat, memandangkan Kon Yeow sendiri mengaku aliran lalu lintas di sini kian sibuk dan memerlukan kemudahan itu.

"Di sini juga kawasan bukit, kerap berlaku kemalangan, jadi saya menyokong penuh jika didirikan lampu isyarat agar trafik lebih lancar dan keselamatan pengguna terjamin," ujarnya lanjut.

Lawatan ke Ladang Hong Seng pula menyaksikan rungutan penduduk mengenai isu keselamatan komuniti yang terdedah kepada trafik kenderaan berat di sini.

Kon Yeow dan Soo Huey senada dalam isu ini, menuntut JKR mengatasi isu tersebut kerana difahamkan, terdapat projek pembinaan sedang berjalan berhampiran kawasan Ladang Hong Seng.

"Saya rasa JKR perlu tegas kepada pihak pemaju, kerana jalan di sini juga dilihat rosak teruk akibat kemasukan kenderaan berat.

"Saya melihat isu keselamatan penduduk sebagai perkara nombor satu," tegas Soo Huey.



**CHOW Kon Yeow (kanan sekali) dan Yap Soo Huey (dua dari kanan) bersantai di ruang awam unik di Jalan Burma pada siri Jelajah Sedia Mendengar di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN trafik di Ladang Hong Seng kini.**



**LAWATAN ke Taman Kristal.**



**TINJAUAN ekoran cadangan pemasangan lampu isyarat di Jalan Siput Remis, Tingkat Erskine.**

# Bajet 2018 MPSP, tumpu 10 fokus utama

**SEBERANG JAYA –** Bajet 2018 bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memberi penekanan kepada 10 fokus utama selari dengan pandangan diberikan warganya pada sesi Soal Selidik Bajet yang diadakan pada 1 Januari hingga 28 Februari lalu.

10 fokus utama tersebut adalah persekitaran selamat; kemudahan dan infrastruktur berkualiti; gaya hidup sihat; pembangunan hijau dan persekitaran bersih; penerapan teknologi baharu; ekonomi bandar yang berdaya saing; memperkukuhkan budaya dan warisan; bandar berdaya tahan dan berdaya huni; keterlibatan komuniti serta pembangunan bandar yang inklusif dan saksama.

Pengumuman tersebut dibuat Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud ketika membentangkan Bajet MPSP Tahun 2018 bertemakan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau dan Kompetitif.

Katanya, MPSP memperuntukkan sejumlah RM38.16 juta atau 13.0 peratus untuk tahun 2018 bagi membentuk persekitaran selamat.

"Bagi kemudahan dan infrastruktur berkualiti, sejumlah RM36.92 juta iaitu 12.6 peratus diperuntukan. Diikuti gaya hidup sihat (RM34.77 juta, 11.8 peratus), pembangunan hijau dan persekitaran bersih (RM30.36 juta, 10.3 peratus), penerapan teknologi baharu (RM29.95 juta, 10.2 peratus dan ekonomi bandar yang berdaya saing (RM28.32 juta, 9.7 peratus).

"Manakala bagi memperkukuhkan budaya dan warisan, MPSP menyediakan peruntukan sebanyak RM27.73 juta iaitu 9.5 peratus, bandar yang berdaya tahan dan berdaya huni (RM25.6 juta, 8.7 peratus), keterlibatan komuniti (RM21.91 juta, 7.5 peratus) dan pembangunan bandar yang inklusif dan saksama (RM19.74 juta, 6.7 peratus)," ucapnya pada pembentangan bajet tahunan MPSP di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu, Bajet 2018 MPSP bakal membabitkan peruntukan berjumlah RM293.47 juta, berbanding anggaran pendapatan Majlis sebanyak RM268.56 juta dan merupakan bajet defisit berjumlah RM24.91 juta.

Turut serta, Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmod, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPSP.



SR. Rozali Mohamud (duduk, dua dari kanan), Ir. Rosnani Mahmod (duduk, tiga dari kanan), Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MPSP menunjukkan salinan dokumen Bajet 2018 MPSP di sini baru-baru ini.

## MPSP anjur bengkel latihan percuma, galak komuniti hasilkan barangan '*up-cycle*'

**BUKIT TAMBUN -** '*Up-Cycling*', proses mengubah bekas barang menjadi komoditi lebih berguna atau memiliki nilai lingkungan lebih baik, mungkin sesuatu yang baharu bagi rata-rata komuniti penduduk di Seberang Perai.

Contoh barangan '*up-cycle*' adalah anyaman surat khabar lama menjadi bekas atau raga, mempunyai nilai tambah untuk kegunaan atau dijual secara komersial.

Justeru, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud berharap lebih ramai komuniti setempat menyertai bengkel latihan '*up-cycle*' secara percuma pada hari Sabtu minggu ketiga tiap-tiap bulan mulai jam 9 pagi di Bangunan MPSP Jalan Betik dekat Bukit Mertajam.

"Daftar segera di laman web *www.mpsp.gov.my* sama ada secara individu atau berkumpulan, kerana kita (MPSP) menyediakan 26 tenaga jurulatih secara percuma," jelasnya kepada pemberita selepas berucap dalam Majlis Perasmian Pembukaan Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor 17 September lalu di sini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Dato' Law Choo Kiang turut berucap dan merasmikan pembukaan pusat sumber alam sekitar tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Ir. Rosnani Mahmod; Ahli Majlis MPSP, Heng Yeh Shiuan serta anggota-anggota Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Perkampungan Valdor.

Difahamkan, istilah '*up-cycling*' pertama kali diperkenalkan oleh Reiner Pilz dari Pilz GmbH pada tahun 1994, untuk membendakan dengan istilah *recycling* atau barangan kitar semula.

Menurut Rozali, MPSP dengan kerjasama penganjur setempat akan menyediakan tapak niaga secara percuma di Juru Autocity pada Sabtu malam Ahad minggu pertama tiap-tiap bulan, untuk membantu komuniti memasarkan hasil barangan '*up-cycle*' masing-masing.

"Ini adalah kerjasama MPSP dengan Juru Autocity, kerana kita percaya galakan menghasilkan barang-barang '*up-cycle*' ini juga turut menyumbang kepada peningkatan peratus kadar kitar semula di Seberang Perai," jelasnya sambil memberitahu bahawa pentadbirannya mensasarkan kadar kitar semula pada tahun 2022 adalah sebanyak 70 peratus.

Direkodkan, 42.60 peratus kadar kitar semula di Seberang Perai bagi tahun 2016 adalah paling tinggi di Malaysia, serta melepasi 10.5 peratus kadar kitar semula kebangsaan digariskan Kerajaan Persekutuan.



# Bajet 2018 MBPP sedia kemudahan awam, infrastruktur taraf global

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif baru-baru ini membentangkan Bajet 2018 pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit melibatkan anggaran hasil sebanyak RM416.98 juta berbanding anggaran perbelanjaan (RM606.53 juta) dengan jumlah defisit sebanyak RM189.55 juta.

Bertemakan Bandaraya Mampan dan Berdaya Tahan, Maimunah berkata, sebanyak RM368.67 juta atau 60.78 peratus diperuntukkan untuk perbelanjaan mengurus dan RM237.85 juta (39.22 peratus), perbelanjaan pembangunan.

"Manakala, hasil diterima daripada tiga punca utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.

"Anggaran Hasil Cukai 2018 ialah sebanyak RM222.86 juta, Hasil Bukan Cukai (RM153.49 juta) dan Terimaan Bukan Hasil (RM40.63 juta)," ucapnya pada pembentangan Bajet Tahun 2018 pada Mesyuarat Khas Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya MBPP, Ar. Yew Tung Seang, Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mengikut rekod, MBPP telah mencatatkan lebihan dalam penyata kewangan untuk tempoh dua tahun berturut-turut, iaitu sebanyak RM177.95 juta bagi tahun 2014, RM146.04 juta (2015) dan defisit sebanyak RM1.41 juta (2016).



MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, empat dari kiri), Ar. Yew Tung Seang (barisan depan, lima dari kiri), Ahli-ahli Majlis dan Ketua-ketua Jabatan MBPP menunjukkan salinan dokumen Bajet 2018 pada Mesyuarat Khas Majlis MBPP di sini baru-baru ini.

Bercakap mengenai bajet defisit yang dibentangkan, Maimunah menjelaskan bahawa ia disediakan demi memastikan pembayar cukai menikmati kemudahan awam dan infrastruktur bertaraf global.

"Walau bagaimanapun, langkah-langkah proaktif dan holistik akan terus diambil untuk menambah sumber kewangan dengan memastikan semua kutipan dipertingkatkan," ujarnya.

Bajet 2018 yang dibentangkan adalah mengikut peruntukan di bawah Seksyen 55 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang dipersetujui Ahli-ahli Majlis Dewan Mesyuarat Khas MBPP.

## YDP syor komuniti respons nama baharu Pernyataan Misi Seberang Perai 2022

**BUKIT TAMBUN -** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam tempoh dua tahun mulai 30 Ogos lalu mula mengedarkan borang kaji selidik serta tinjauan dalam talian di portal *www.mpsp.gov.my*, untuk penduduk menentukan 10 keutamaan strategik yang mesti dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan dalam tempoh 2018 hingga 2022.

Mengulas lanjut, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, syor Pernyataan Misi Seberang Perai Tahun 2016 sebagai nama baharu Pelan Strategik 2018 - 2022, turut mendapat maklum balas responden dalam tempoh kaji selidik kali ini.

"Perancangan strategik kita (MPSP) yang lama adalah 2014 hingga 2018...sebelum habis, kita (MPSP) akan buat pelan strategik lima tahun yang baru.

"Tahun ini, kita menjenamakan semula, kita tak panggil Perancangan Strategik MPSP, tapi kita panggil Pernyataan Misi Seberang Perai.

"Ia menjadi milik rakyat Seberang Perai, kita minta semua supaya ambil bahagian dari mula dalam membentuk Penyataan Misi Seberang Perai ini," ucapnya di Pusat Sumber Alam Sekitar Perkampungan Valdor di sini 17 September lepas.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun yang merasmikan pembukaan pusat sumber alam sekitar tersebut.

Selain itu, Rozali menyatakan nekad MPSP untuk Seberang Perai diiktiraf sebagai Bandar Raya Rendah Karbon boleh direalisasikan melalui amalan 8R atau '*Rethink, Refuse, Re-use, Repair, Re-gift, Recover & Recycle*' membabitkan semua komuniti penduduk.

## Permohonan 'pemutihan' 116 hotel sebelum 31 Oktober sahaja akan diproses - Exco

**GEORGE TOWN -** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) bersedia mempertimbang untuk memberi lesen tetap kepada 116 hotel yang telahpun dikenal pasti segera membuat permohonan-permohonan berwajib sebelum tarikh akhir program 'pemutihan' pada 31 Oktober ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pengusaha-pengusaha hotel yang gagal berbuat demikian akan berdepan dengan pelbagai birokrasi penguatkuasaan, termasuk langkah penyitaan premis hatta tindakan perobohan struktur tanpa kebenaran.

"Program 'pemutihan' hotel ini mula dilaksanakan pada tahun 2014, setelah mendapat rayuan daripada para pengusaha hotel tanpa lesen yang ingin mendapatkan lesen tetap untuk beroperasi.

"Maka, Kerajaan Negeri melalui pihak berkuasa tempatan (PBT) telah mengeluarkan lesen sementara dalam tempoh tiga tahun iaitu dari 2014 hingga 2017 supaya pengusaha boleh beroperasi.

"(Sehingga kini) didapati, sebanyak 116 buah hotel boleh dipertimbangkan ke lesen tetap, sekiranya mereka mengambil tindakan segera untuk mematuhi syarat-syarat ditetapkan atau menyusuli dengan pelan-pelan yang berkenaan sebelum 31 Oktober ini.

"Pelan-pelan yang dikemukakan ini sebelum tarikh tamat, masih boleh diproses sehingga keputusan tamat" jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota kepada pemberita di Komtar di sini baru-baru ini.

ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan Datuk Bandar MBPP, (Dato' Maimunah Mohd. Sharif) turut sertai sidang media itu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, dalam senarai lama 'pemutihan' MBPP, direkodkan 191 hotel, termasuk 39 hotel yang boleh dipertimbang untuk mendapatkan lesen tetap; telahpun mendapatkan *Technical Review Panel*, TRP dan perlu disusuli Pelan Bangunan (31) serta dikenal pasti langsung tidak mengambil inisiatif dalam program pemutihan ini (63).

"Manakala, dalam senarai baru 'pemutihan' MBPP pula, direkodkan, 76 hotel, termasuk 33 hotel yang boleh dipertimbang untuk mendapatkan lesen tetap; telahpun mendapatkan TRP dan perlu disusuli Pelan Bangunan (13) serta disenaraikan dalam tindakan penguatkuasaan daripada Jabatan Warisan atau Jabatan Perancang, MBPP (11).

# MP serah sumbangan kepada keluarga mangsa lemas

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN -** Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh baru-baru ini menyerahkan cek sumbangan RM2,000 kepada keluarga Allahyarhamah Noor Afidah Jadidi, 30, yang dipercayai meninggal dunia akibat lemas di sungai berhampiran Jalan Paya Terubong di sini.

Mangsa yang merupakan seorang pekerja sebuah kilang di Bayan Lepas dipercayai terjatuh ke dalam sungai ketika menunggang motosikal, dan dihanyutkan arus deras ketika dalam perjalanan pulang selepas tamat syif malam.

Ramkarpal ketika ditemui menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga mangsa.

"Takziah di atas apa yang terjadi, diharap keluarga mangsa dapat terus tabah dengan ujian ini.

"Kita akan melihat bantuan apa yang diperlukan oleh keluarga mangsa bagi meringankan beban mereka.

"Diharap sumbangan peruntukan yang disampaikan dapat meringankan beban keluarga mangsa mengadakan majlis pengkebumian," katanya.

Ramkarpal ditemui ketika hadir menyampaikan cek sumbangan kepada keluarga mangsa di Jabatan Perubatan Forensik Hospital Pulau Pinang.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid.

Cek sumbangan diserahkan kepada abang Allahyarhamah, Eddi Yusshairi Yajunas.

Jenazah Allahyarhamah difahamkan akan dibawa pulang ke kampung halamannya di Kuala Kangsar, Perak.



**RAMKARPAL Singh (dua dari kiri), R.S.N. Rayer (kiri sekali) dan Syerleena Abdul Rashid (kanan sekali) ketika hadir menyampaikan sumbangan kepada keluarga mangsa di sini baru-baru ini.**




# Sambutan Pesta Tanglung pupuk harmoni kaum

Tek & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**SEBERANG JAYA -** Kira-kira 200 penduduk sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya dan pengunjung Pusat Membeli-belah Sunway Carnival menyertai kemeriahan sambutan Pesta Tanglung baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Dr. Afif Bahardin percaya bahawa penyertaan pelbagai lapisan masyarakat dalam perayaan sebegini menunjukkan toleransi antara kaum di negeri ini.

"Semangat toleransi seperti ini yang kita (Kerajaan Negeri) mahukan dalam membangunkan negeri yang harmoni," katanya selepas merasmikan sambutan anjuran Pejabat Pusat Khidmatnya dengan kerjasama pengurusan Pusat Membeli-belah Sunway Carnival di sini.



**MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berbaju batik) pada sambutan Pesta Tanglung DUN Pantai Jerejak.**

Sementara itu, di Pantai Jerejak, ADUNnya, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang juga Timbalan Ketua Menteri I mengedarkan lebih 200 paket kuih bulan sempena Perayaan Kuih Bulan dekat Astaka Pasar Awam Bayan Baru.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Gan Ay Ling serta petugas-petugas Pusat Khidmat Parlimen Bayan Baru dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mayang Pasir.

Difahamkan, penganjuran edaran kuih bulan merupakan tradisi tahunan dalam menyantuni masyarakat setempat.

"Ini merupakan acara tahunan dalam mendekati dan menyantuni bukan sahaja masyarakat Cina, malah juga lain-lain bangsa yang sama-sama memeriahkan perayaan kuih bulan," jelas beliau.



**DR. Afif Bahardin (tengah, berkemeja putih) bergambar kenangan bersama-sama penduduk yang memeriahkan penganjuran Pesta Tanglung Dewan Undangan Negeri (DUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

# Baiki segera kerosakan infrastruktur serta jalan, seru ADUN

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai memaklumkan bahawa beliau akan menulis surat kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang bagi mengutarakan isu-isu berkaitan kerosakan infrastruktur dan jalan di sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) berkaitan.

Menurutnya, melalui pemantauan yang dijalankan mendapati terdapat kira-kira 17 lokasi yang tidak mempunyai penutup longkang serta pagar pemisah sempurna di kawasan seliaan JKR.

"Kawasan-kawasan tersebut juga adalah lokasi yang sering dinaiki air, saya bimbang jika berlaku banjir, orang ramai tidak menyedari kewujudan lubang-lubang itu dan kemungkinan berlaku kemalangan.

"Selain itu, saya juga difahamkan pihak Kerajaan Negeri bersetuju menyalurkan dana RM200,000 bagi membaiki jambatan di *Happy Valley* yang rosak teruk akibat banjir pada 15 September lalu.

"Buat sementara waktu, laluan tersebut tidak dapat dilalui oleh kenderaan sama ada kereta atau motosikal," ujarnya pada satu sidang media di sini 21 September lalu.

Hon Wai dalam pada itu, memuji tindakan JKR yang melakukan penurapan jalan selepas Wisma Yatim Lelaki Islam Pulau Pinang hingga ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kong Min Cawangan 2 yang merupakan Jalan Persekutuan.

"Walaupun masih ada sedikit bahagian yang masih berlubang, namun bahagian paling teruk sudah pun dibaiki, dan saya akan terus lakukan pemantauan supaya jalan dapat siap segera demi keselamatan pengguna," katanya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri.



**WONG Hon Wai (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke jambatan di *Happy Valley* di sini 21 September lalu.**



**SEBELUM, 8 September 2017.**



**SELEPAS, 21 September 2017.**

**PERBANDINGAN jalan selepas Wisma Yatim Lelaki Islam Pulau Pinang hingga ke SJKC Kong Min Cawangan 2 di sini.**






# ISLAM DIMARTABATKAN 2008 - 2016

## PAKATAN HARAPAN TOLAK BINA KASINO DI PULAU PINANG

- Ahli Parlimen UMNO Padang Besar sokong cadangan bina KASINO.

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM

**RM457.05 juta**

1999 - 2007 : RM249.09 juta

## PERUNTUKAN PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH PENDIDIKAN ISLAM

**RM57.64 juta**

1999 - 2007 : RM20.11 JUTA

## EX GRATIA / BONUS / BANTUAN KHAS

**RM15.55 juta**

1999 - 2007 : TIADA

(Guru-guru KAFA, guru SAR, guru tahfiz, guru pondok dan TADIS)

## KOMPLEKS MAHKAMAH SYARIAH

Sebidang tanah di Jalan Scotland bernilai RM80 juta milik KN disumbangkan untuk pembinaan Kompleks Kehakiman & Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.

## AGENDA EKONOMI SAKSAMA (AES)

(2009 - April 2017)

- **RM23.65 juta** disalurkan kepada 1,461 penerima
- 80% penerima Melayu

## PTSR (PROGRAM PINJAMAN MIKRO KREDIT)

(2009 - April 2017)

- **RM11.71 juta** diberikan kepada 2,540 peminjam
- 83.3% usahawan Melayu



Disiar dan dicetak oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.